

1 Apakah kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan?

- A Memenuhi keperluan awam
- B Menyediakan barang dan perkhidmatan
- C Mengukur tahap prestasi sesebuah perniagaan
- D Membantu golongan berkemampuan



2 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri rakan kongsi.

- Menanggung liabiliti terhad
- Tiada kuasa pengurusan
- Dibenarkan untuk memeriksa rekod dan akaun perniagaan

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi aktif
- B Rakan kongsi lelap
- C Rakan kongsi biasa
- D Rakan kongsi berhad

3 Apakah kelebihan usaha sama?

- A Mendapat keseragaman reka bentuk produk
- B Meningkatkan kedudukan syarikat dan perkongsian kepakaran
- C Tempoh perniagaan adalah kekal
- D Persamaan visi dan misi

4 Antara yang berikut, manakah merupakan hak anggota dalam koperasi?

- I Mempunyai hak untuk mengundi
- II Terlibat dalam proses membuat keputusan
- III Anggota menanggung liabiliti tidak terhad
- IV Pindah milik syer tidak dibenarkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Pernyataan manakah yang menerangkan cabaran perniagaan bersaiz besar?

- A Pekerja berpengalaman sukar diperoleh
- B Menikmati ekonomi bidangan
- C Dapat menguasai pasaran
- D Wujud pengkhususan

6 Rajah 1 berkaitan dengan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.



Rajah 1



Apakah aktiviti berkaitan P dan Q?

	P	Q
A	Pendidikan	Pembalakan
B	Pembalakan	Pendidikan
C	Pelancongan	Pendidikan
D	Pembalakan	Pertanian

7 Gambar 1 merupakan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 1

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Memberi geran kepada usahawan
- B Menyediakan kemudahan ruang niaga
- C Mengendalikan aktiviti seminar perdagangan
- D Menyediakan input dalam bidang produktiviti dan kuantiti

8 Antara berikut, yang manakah tindakan kerajaan mengatasi deflasi?

- I Mengurangkan kadar cukai
- II Meningkatkan kadar cukai
- III Meningkatkan kadar faedah simpanan
- IV Mengurangkan kadar faedah simpanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Pernyataan manakah merupakan faedah memasarkan produk perniagaan di internet?
- A Prospek perniagaan yang luas
 - B Komunikasi yang kurang berkesan
 - C Masa operasi perniagaan yang terhad
 - D Risiko penipuan dalam talian
- 10 Maklumat berikut merupakan pemacu dalam pencapaian sesebuah organisasi perniagaan.

R ialah

- Pernyataan ringkas untuk menjelaskan tujuan utama perniagaan
- Ketetapan dalam mencapai matlamat

Apakah tujuan perniagaan menetapkan R?

- A Merancang masa depan yang ingin dicapai
 - B Mencapai matlamat dalam jangka masa panjang
 - C Memberi kemudahan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan
 - D Memudahkan pihak pengurusan mengagihkan sumber dalam organisasi
- 11 Rajah 2 berkaitan syer pasaran bagi 100 000 pelanggan di kedai makan daerah Pasir Mas, Kelantan.



Rajah 2

Hitungkan bilangan pelanggan yang mengunjungi kedai nasi ayam penyet.

- A 25 000 orang
- B 43 000 orang
- C 80 000 orang
- D 88 000 orang

12 Antara berikut, yang manakah faktor ancaman kepada syarikat yang ingin meneroka pasaran di Jepun?

- A Modal yang tidak mencukupi
- B Kekurangan tenaga pakar yang mahir
- C Amalan dan kebudayaan masyarakat di Jepun yang berbeza
- D Aktiviti pemasaran dan promosi oleh syarikat berkenaan di Jepun

13 Maklumat berikut merupakan pengeluaran kasut sukan Syarikat Sepatu Sdn. Bhd.

Titik pulang modal : 80 000 unit

Kos berubah seunit : RM25

Kos tetap : RM400 000

Berapakah harga seunit kasut sukan tersebut?

- A 20
- B 30
- C 50
- D 60



14 Manakah antara berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian jualan?

- I Menjawab pertanyaan pelanggan berkaitan barang dan perkhidmatan
- II Mengambil dan mengagihkan tempahan seperti ditetapkan
- III Menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli
- IV Membuat jualan secara bersemuka atau dalam talian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Maklumat berikut berkaitan fungsian pengeluaran.


Memastikan pengeluaran, utiliti mesin dan staf berada dalam keadaan baik dan boleh menghasilkan produk yang berkualiti mengikut standard yang ditetapkan.

Apakah peranan bahagian fungsian tersebut?

- A Kawalan semasa
- B Kawalan awalan
- C Kawalan selepas
- D Kawalan transformasi



16 Rajah 3 berkaitan peranan pengurusan sumber manusia.



Rajah 3

Situasi manakah yang menunjukkan peranan S?

- A Pelaksanaan program induksi kepada pekerja baharu
- B Membentuk polisi berkaitan pembangunan kerjaya pekerja
- C Menyediakan kemudahan untuk keselesaan pekerja semasa bertugas
- D Membantu menyelesaikan ketidakpuasan hati pekerja semasa proses perundingan

17 Apakah kepentingan pasaran baharu dalam pasaran antarabangsa?

- A Mencari pasaran yang belum diterokai
- B Mewujudkan peluang pekerjaan dalam pasaran tepu
- C Kemajuan teknologi mewujudkan transformasi kepada pasaran dunia
- D Menyertai ekspo dan pameran perdagangan di sesuatu kawasan setempat

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan kewangan.

- Memastikan perbelanjaan setiap bahagian mengikut bajet
- Mengelak berlakunya penipuan dan penyelewengan

Apakah peranan pengurusan kewangan tersebut?

- A Kawalan kewangan diurus setiap bahagian
 - B Perancangan kewangan dalam organisasi
 - C Pengagihan sumber kewangan mengikut peruntukkan
 - D Merekod hasil pendapatan dan perbelanjaan dalam organisasi
- 19 Pernyataan di bawah berkaitan dengan dokumen dalam pengurusan sumber manusia.

- Dokumen ini mengandungi ringkasan tugas dan tanggungjawab pekerja terhadap sesuatu tugas
- Isi kandungan merangkumi tugas-tugas utama, tujuan sesuatu tugas, tanggungjawab kerja dan cara sesuatu kerja dilakukan.

Apakah dokumen yang perlu dirujuk?

- A Bentuk dan jenis tugas
- B Merekrut pekerja
- C Kebolehkeraan
- D Deskripsi tugas

- 20 Bagaimanakah cara membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni?
- A Memperoleh pekerja yang kreatif dan inovatif memantapkan pencapaian organisasi
 - B Pekerja hadir ke program latihan dan pembangunan yang ditetapkan organisasi
 - C Meningkatkan produktiviti, motivasi, kepuasan kerja, mengurangkan kesilapan dan tekanan kerja
 - D Amalan kerja yang beretika mementingkan integriti dan kecemerlangan untuk memantapkan budaya kerja profesional
- 21 Apakah definisi standard prosedur operasi tugas?
- A Membantu meningkatkan kecekapan dan prestasi kerja
 - B Dokumen arahan bertulis untuk mencapai keseragaman pelaksanaan tugas
 - C Menetapkan bidang tugas dan tanggungjawab kepada seseorang pekerja
 - D Peringatan dan pengajaran supaya pekerja lebih berdisplin
- 22 Antara berikut, manakah kepentingan struktur organisasi dalam sesebuah perniagaan?
- I Mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa
 - II Mengagihkan sumber dengan cekap dan berkesan
 - III Menetapkan bidang tugas dan tanggungjawab
 - IV Memberikan sumbangan kepada organisasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan struktur organisasi bagi Syarikat Iman.

- Struktur organisasi ini sering diamalkan dalam kebanyakan syarikat pembinaan.
- Dikenali sebagai sistem berbilang arahan.

Apakah jenis struktur organisasi yang paling sesuai?

- A Wilayah
 - B Fungsi
 - C Matriks
 - D Pelanggan
- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber fizikal bagi Syarikat Malika.

- Tempat memproses bahan mentah kepada produk siap.
- Jentera yang digunakan untuk memproses bahan mentah.

Apakah jenis sumber tersebut?

- A Stok
 - B Produk siap
 - C Bahan mentah
 - D Kilang dan mesin
- 25 Apakah tujuan usahawan mendaftarkan paten?
- A Memastikan idea reka cipta adalah hak milik mereka
 - B Memastikan idea reka cipta boleh dikongsi
 - C Memastikan idea reka cipta dihargai
 - D Memastikan idea reka cipta tulen



- 26 Antara berikut, manakah merupakan contoh harta intelek?
- I Windows 10
 - II Pekerja yang mahir
 - III Reka bentuk
 - IV Lukisan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 27 Antara berikut, manakah merupakan sumber pembiayaan dalaman?
- A Barang kemas dijadikan cagaran
B Sewaan aset dengan tujuan membeli aset
C Keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan
D Kemudahan kredit untuk pemegang akaun semasa
- 28 Antara berikut, manakah merupakan kelemahan sumber pembiayaan luaran bagi bank atau institusi kewangan?
- I Memerlukan penjamin
 - II Cepat dan ringkas
 - III Terdapat perlindungan cukai
 - IV Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29 Apakah peranan syarikat pemfaktoran?

- A Memberikan pinjaman berpenggal atau pinjaman jangka pendek
- B Menggunakan mesin atau jentera dengan cara menyewanya
- C Menerbitkan syer bagi menambah modal perniagaan
- D Membeli akaun penghutang pada harga diskaun

30 Butiran yang manakah merujuk kepada Aset Bukan Semasa?

- I Kenderaan
- II Stok akhir
- III Tunai
- IV Perabot

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


31 Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Pendapatan Syarikat Maju Jaya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

BUTIRAN	RM
Jualan	80 000
Pulangan Jualan	5 000
Belian	40 000
Pulangan Belian	3 000
Stok awal	10 000
Stok akhir	12 000
Belanja operasi	8 000

Berapakah untung kasar perniagaan tersebut?

- A RM 32 000
- B RM 35 000
- C RM 38 000
- D RM 40 000

32 Rajah 4 berkaitan graf titik pulang modal (TPM).



Rajah 4

Jumlah hasil ditunjukkan pada

- A Q
- B R
- C S
- D T



33 Apakah kos tetap yang perlu dibiayai oleh usahawan?

- A Sewa bangunan
- B Bayaran komisen
- C Upah kepada pekerja
- D Pembelian bahan mentah

34 Maklumat di bawah berkaitan ciri keperibadian usahawan.

- Melakukan sesuatu secara proaktif dan giat berusaha bagi membangunkan kehidupan diri
- Sentiasa mencari idea yang baharu untuk mengembangkan perniagaan
- Beretika dan jujur dalam menjalankan perniagaan untuk memastikan produk berkualiti

Apakah ciri tersebut?

- A. Semangat sepasukan
- B Berani mengambil risiko
- C Berinisiatif dan bertanggungjawab
- D Berdikari dan berfikiran positif untuk berjaya

35 Kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat


- I Menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan
- II Memperkenalkan produk dan perkhidmatan keluar negara
- III Mewarisi perniagaan dari satu generasi ke generasi yang lain
- IV Mewujudkan ketenteraman dengan mengurangkan kadar jenayah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Mengapakah kerajaan menggalakkan usahawan menghadiri latihan?

- A Mengurangkan bilangan usahawan baharu
- B Memastikan usahawan mendapat keuntungan
- C Membantu usahawan meningkatkan kemahiran
- D Mengurangkan penggunaan teknologi dalam perniagaan

37 Rajah 5 berkaitan dengan penubuhan perniagaan.




Rajah 5

Apakah U?

- A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- B Akta Perlindungan Pengguna 1999
- C Akta Perihal Dagangan 1972
- D Akta Koperasi 2007


38 Maklumat di bawah berkaitan dengan Penyata Aliran Tunai.



Apakah V?

- A Baki b/b
- B Baki h/b
- C Penerimaan
- D Pembayaran

- 39 Rajah 6 menunjukkan elemen dalam strategi campuran pemasaran.



Rajah 6

Pernyataan manakah berkaitan W?

- A Pengedaran barang yang terancang
 - B Penetapan harga mengambil kira semua kos
 - C Penggunaan media komunikasi yang sesuai dan berkesan
 - D Penghasilan produk yang dapat memenuhi kehendak pelanggan
- 40 Berapakah tempoh masa untuk melantik setiausaha selepas pemerbadanan syarikat?
- A 30 hari
 - B 45 hari
 - C 50 hari
 - D 60 hari

KERTAS TAMAT

